



PEKELILING RASMI NAIB CANCELOR BIL. 4/2020

**LARANGAN KEPADA PELAJAR UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
UNTUK MEMBUAT KUTIPAN SUMBANGAN / DERMA
TANPA KEBENARAN NAIB CANCELOR**

1.0 TUJUAN

Pekeliling Rasmi Naib Canselor Bil. 4/2020 ini adalah bagi memaklumkan mengenai Larangan Kepada Pelajar UTHM Untuk Membuat Kutipan sumbangan / Derma Tanpa Kebenaran Naib Canselor.

**2.0 PELAKSANAAN ARAHAN LARANGAN MEMBUAT KUTIPAN SUMBANGAN /
DERMA TANPA KEBENARAN NAIB CANCELOR**

- 2.1 Adalah dimaklumkan bahawa pihak Universiti telah dan sedang berusaha sebaik mungkin dalam memberikan bantuan dan kemudahan terbaik kepada semua pelajar dan staf yang terlibat dengan musibah yang sedang melanda negara pada ketika ini. Bantuan dalam bentuk barangan dan makanan sedang disalurkan oleh pihak yang dilantik bagi memastikan semua pihak terlibat telah menerima bantuan yang diperuntukkan.
- 2.2 Sehubungan dengan itu, semua pelajar / kelab / persatuan pelajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia adalah dengan ini diberikan peringatan untuk tidak membuat sebarang kutipan sumbangan / derma sama ada di dalam atau di luar kampus UTHM tanpa kebenaran Naib Canselor UTHM.
- 2.3 Larangan ini adalah berdasarkan kepada Seksyen 15A Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Tindakan tatatertib boleh dikenakan kepada mana-mana pelajar, persatuan atau kelab pelajar yang melanggar arahan ini di bawah Kaedah-Kaedah UTHM (Tatatertib Pelajar) 2009.
- 2.4 Untuk makluman semua pihak, hanya Kelab Staf UTHM (KSUTHM) sahaja yang telah diberikan kebenaran buat masa ini, untuk menyelaras semua sumbangan / derma untuk staf dan pelajar UTHM bagi membantu kebajikan staf dan pelajar UTHM di sepanjang tempoh getir ini.

- 2.5 Oleh itu, semua tindakan membuat kutipan tanpa kelulusan ini hendaklah dihentikan serta-merta dan sebarang pertanyaan / bantuan lanjut, sila hubungi nombor telefon di bawah:

Prof. Dr. Azme bin Khamis
Pengerusi KSUTHM
013-719 0434

Puan Hawa binti Omar
Pengarah Pejabat Hal Ehwal Pelajar
013-745 0015

3.0 PERLANGGARAN ARAHAN

Pelajar yang didapati melanggar arahan ini boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Tun Hussein Malaysia (Tatatertib Pelajar) 2009.

4.0 TARIKH KUATKUASA

Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta dari tarikh ianya dikeluarkan. Adalah diharapkan agar semua pihak sentiasa mematuhi arahan yang dikeluarkan daripada semasa ke semasa dan sentiasa mematuhi langkah-langkah pencegahan bagi mengelakkan penularan COVID-19 daripada berleluasa dan sentiasa berada di bawah perlindungan Allah SWT. Semoga kita semua sentiasa terus cekal dan tabah dalam menjalankan tugas untuk negara demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia sentiasa terpelihara.

Sekian, terima kasih.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”

Yang benar,

YBHG PROF. DATUK TS. DR. WAHID BIN RAZZALY
Menjalankan Tugas Naib Canselor
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
21 Mac 2020